

## LATIHAN KATA BANTU

Isi tempat kosong dengan perkataan yang paling sesuai.

1. Kerja-kerja membangunkan kawasan taman sains itu \_\_\_\_\_ siap sebulan yang lalu.

A telah                      C masih

B mesti                    D akan

2. Kita \_\_\_\_\_ berhati-hati semasa melintas jalan raya.

A masih                    C mesti

B sudah                    D sedang

3. "Jangan sekali-kali minum air yang \_\_\_\_\_ dimasak," pesan Cikgu Azizah.

A akan                    C sudah

B hendak                  D belum

4. Semua bangku di taman itu \_\_\_\_\_ digantikan dengan yang baharu tidak lama lagi.

A sudah                    C akan

B sedang                   D masih

5. Sekiranya kita \_\_\_\_\_ berjaya, kita mestilah meningkatkan usaha dengan banyak mengulang kaji pelajaran.

A hendak                  C akan

B masih                    D mesti

6. Walaupun sudah pulih tetapi dia \_\_\_\_\_ belum boleh berjalan dengan baik.

A masih                    C hendak

B akan                    D mesti

7. Ayah \_\_\_\_\_ ke Kuala Lumpur pada bulan hadapan.

A telah                      C sedang

B akan                      D sudah

8. Kita \_\_\_\_\_ lah bijak memilih kawan sekiranya kita ingin berjaya.

A sedang                      C mesti

B telah                      D hendak

9. Semua pendatang tanpa izin \_\_\_\_\_ dihantar ke negara asal mereka pada bulan depan.

A telah                      C masih

B belum                      D akan

10. Nur Fasihah \_\_\_\_\_ mengulang kaji pelajaran di dalam biliknya.

A telah                      C sedang

B akan                      D belum

11. Datuk \_\_\_\_\_ belum sedar ketika kami menziarahinya di hospital.

A telah                      C masih

B sudah                      D akan

12. Buah mangga ini \_\_\_\_\_ dibasuh sebelum dimakan.

A sudah                      C mesti

B mahu                      D dapat

13. Puan Maznah \_\_\_\_\_ menuntut di Universiti Sains Malaysia dalam bidang perubatan.

A telah                      C sudah

B pernah                      D belum

14. Kamu\_\_\_\_\_berhati-hati ketika melalui jalan yang licin itu.

A mesti                      C masih

B boleh                     D belum

15. Saya\_\_\_\_\_cuba memujuk adik yang sedang menangis itu.

A akan                      C dapat

B mahu                     D masih

16. Kakak saya\_\_\_\_\_dinaikkan pangkat pada tahun hadapan.

A akan                      C belum

B masih                     D telah

17. Ayah\_\_\_\_\_membaca surat khabar semasa berkelah di Pantai Cahaya Bulan.

A sedang                    C belum

B mesti                     D akan

18. Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya\_\_\_\_\_melawat ke Pulau Langkawi pada cuti persekolahan nanti.

A harus                    C masih

B pernah                   D akan

19. Anishah\_\_\_\_\_mengikuti ayahnya pergi ke Pantai Cahaya Bulan.

A belum                    C hendak

B sedang                   D harus

20. Bas itu dijangka\_\_\_\_\_tiba dari Pulau Pinang pada pukul 2.00 petang.

A masih                    C sedang

B pernah                   D akan